

13/01/1997

Anggota Umno perlu jaga imej parti

JOHOR BAHRU, Ahad - Umno Johor meminta anggotanya sentiasa menjaga imej parti sebagaimana nasihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memastikan parti terus disegani, kata Ketua Penerangan Umno negeri, Datuk Mohamad Aziz.

Beliau berkata, nasihat Presiden Umno itu supaya tidak berbuat sesuatu yang boleh mencemarkan imej parti dan kerajaan hendaklah diikuti dan menjadi pegangan oleh semua pihak.

Menurutnya, ia adalah sesuatu yang baik dan perlu diterima pakai oleh setiap anggotanya bagi memastikan kepemimpinan sentiasa berkeadaan baik dan kukuh.

"Kita patut mengambil iktibar daripada nasihat itu kerana ia dapat menghindarkan diri daripada melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan masalah kepada parti.

"Dengan itu, kita dapat memelihara imej dan menjaga kepentingan parti agar tidak tercemar dengan pelbagai masalah pada masa depan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Semalam, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dipengerusikan Dr Mahathir mengingatkan anggotanya termasuk pegawai kerajaan dan ahli politik supaya tidak berbuat sesuatu yang boleh mencemarkan imej kerajaan dan parti.

Sambil merujuk kepada kes penahanan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib di Brisbane, Australia, Presiden Umno itu berkata, mereka seharusnya tidak mendedahkan diri dan terbabit kepada perkara yang boleh menimbulkan masalah.

Mohamad berkata, ahli Umno perlu menjaga imej parti kerana ia boleh memberi kesan dalam kedudukan masyarakat jika sentiasa terbabit dalam perkara yang menimbulkan masalah.

(END)